



Headline: Mudah sangat terpedaya!
Publication/Portal: Harian Metro
Date: 19 April 2018

Language: Malay
Section: Minda
Page: 34

Pendedahan demi pendedahan oleh pihak berkuasa mengenai kerugian yang dialami oleh rakyat kita akibat kes penipuan seperti sindiket Macau Scam dan kenalan dalam laman sosial seperti Facebook dilihat semakin membimbangkan. Hampir setiap hari kita dapat membaca laporan kerugian seperti ini di media massa. Ini menunjukkan betapa mudahnya rakyat kita terpedaya dan tertipu dengan orang yang tidak dikenali.

Ironinya walaupun sering didedahkan oleh pihak berkuasa, kes seumpama ini masih terus berulang, malah dilihat meningkat secara drastik. Misalnya baru-baru ini, penulis dapat membaca dua kes seperti ini yang terus menimbulkan pelbagai tanda tanya. Kes pertama membabitkan seorang jurutera di sektor swasta berusia 43 tahun kerugian lebih RM17,000 selepas menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis melalui panggilan telefon. Dalam kejadian itu, mangsa dikatakan menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan dirinya sebagai Sarjan Majid yang kononnya bertugas di Ibu Pejabat Daerah (IPD) Simpang Tiga, Kuching, Sarawak. Pemanggil dikatakan dapat meyakinkan mangsa untuk menyelesaikan masalah kononnya kereta mangsa terbabit dalam kemalangan dan mendapati kad ATM mangsa mempunyai 23 kes pengubahan wang haram di Sabah. Akibat percaya dengan perkara ini, mangsa memberikan segala maklumat peribadi dan pergi ke bank terdekat serta memindahkan wang daripada semua akaun ke satu akaun bank paling selamat milik mangsa sendiri serta menukar beberapa tetapan dalam perbankan dalam talian milik mangsa dan akhirnya penjenayah tersebut menggodam akaun mangsa dan memindahkan wang ke akaun lain.

Dalam satu lagi kejadian, akibat terpengaruh dengan tawaran hadiah iaitu sepasang kasut dan wang tunai RML16 juta daripada kenalan di Facebook seorang suri rumah dari FELDA Tembangau, Bera kerugian RM34,150 bagi membayar kos penghantaran yang tidak wujud sama sekali. Menurut pihak polis, kejadian ini berlaku ketika mangsa berusia 56 tahun itu berkenalan dengan seorang lelaki yang menggunakan nama Mohd Kadir Ibrahim dan sering berhubung menerusi aplikasi WhatsApp. Selepas beberapa hari berkenalan, suspek memberitahu dia sudah menghantar sepasang kasut sebagai hadiah perkenalan. Tidak lama selepas itu mangsa dikatakan menerima panggilan telefon daripada seorang wanita yang memaklumkan barangan berkenaan sudah sampai di Kuala Lumpur dan mangsa perlu

Mudah sangat terpedaya!

membayar caj penghantaran dan akhirnya urusan ini mengakibatkan mangsa kerugian RM34,150 begitu saja.

Dua contoh kes yang cukup klasik ini membuktikan segala pendedahan, peringatan, nasihat dan amaran yang dibuat selama ini oleh pihak berkuasa mengenai sindiket yang bergiat aktif dan cukup licik menyamar dan memperdaya serta menipu mangsa seperti ini masih belum diambil iktibar dan pengajaran oleh rakyat kita. Walaupun segala modus operandi penjenayah ini terus didedahkan supaya masyarakat dapat ambil iktibar dan peringatan, namun anehnya kita terus leka dan cuai apabila masih mudah terpedaya dengan sindiket seperti ini.

Dalam kes seperti ada orang yang menyamar sebagai polis dan menelefon mangsa misalnya, menurut Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman (Risikan dan Operasi), Datuk Sakri Ariffin, pihak polis tidak pernah menghubungi suspek atau orang ramai melalui telefon untuk memaklumkan mereka melakukan kesalahan, malah agensi awam atau pihak bank juga dikatakan tidak akan menghubungi orang ramai untuk

meminta sebarang bayaran atau pemindahan wang. Tambah beliau lagi, kebiasaannya sindiket akan menghubungi mangsa dan mendakwa sama ada dari Bank Negara Malaysia (BNM), polis atau pihak bank komersial dengan mendakwa mangsa adalah 'suspek' kejadian jenayah. Ini akan menyebabkan mangsa panik apabila diugut sindiket kononnya mangsa sedang disiasat dan bakal dikenakan tindakan menyebabkan mereka takut dan terus mematuhi segala arahan sindiket berkenaan.

Senario seperti ini menunjukkan masyarakat terus terdedah dengan ancaman daripada sindiket penipuan yang bijak mengumpan mangsa dan memperdaya sehingga memindahkan sejumlah wang yang diminta tanpa sedikitpun rasa curiga dan was-was. Jadi masyarakat perlu segera ambil iktibar dan banyak berhati-hati apabila berurusan dengan orang yang tidak dikenali baik melalui telefon mahupun di laman sosial. Dua modus operandi yang sangat jelas di sini adalah sindiket akan menelefon mangsa dengan menyamar sebagai pihak berkuasa atau wakil bank dan satu lagi umpanan sindiket melalui perkenalan di laman sosial dengan menawarkan pelbagai barangan atau ganjaran yang mewah.

Jadi jika kita teliti kedua-dua modus operandi ini penulis percaya andai masyarakat dapat menerima dan memahami nasihat serta peringatan pihak polis kita pasti dapat mengelak daripada menjadi mangsa penipuan sindiket licik seperti ini. Dalam konteks ini kita perlu berpegang kepada dua nasihat utama daripada pihak polis iaitu, pertama jangan mendedahkan maklumat peribadi dan kedua perlu percaya pihak berkuasa tidak akan menghubungi orang awam tentang kesalahan seperti ini.

Dengan perkembangan dunia teknologi yang kian canggih apa saja boleh dilakukan penjenayah andai mereka ketahui maklumat peribadi kita. Justeru masyarakat perlu sentiasa beringat dan berwaspada jika ada pihak meminta maklumat peribadi daripada kita. Jangan sewenang-wenangnya kita mendedahkan butiran peribadi kepada orang yang tidak dikenali. Semak terlebih dulu latar belakang individu terbabit dan tujuan permintaan maklumat peribadi kita. Maklumat seperti nombor akaun bank dan nombor pin mahupun kata laluan serta *password* sewajarnya tidak boleh didedahkan kepada orang lain apatah lagi kepada orang yang tidak dikenali. Maklumat seperti ini cukup untuk

mereka menggodam dan melakukan apa saja yang mereka mahukan.

Masyarakat juga perlu percaya dengan jaminan pihak polis bahawa tiada agensi yang akan meminta orang yang dihubungi untuk menghubungi agensi awam lain, misalnya pegawai polis tidak akan meminta orang ramai menghubungi BNM untuk siasatan sesuatu kes. Jadi dalam hal ini janganlah kita mudah percaya dengan ugutan yang diterima melalui panggilan telefon.

Sewajarnya kita tenang dan ambil masa untuk menyiasat kesahihan panggilan tersebut. Perkara ini boleh dilakukan dengan cara kita menghubungi atau pergi terus ke balai polis berhampiran untuk mendapatkan kepastian dan penerangan yang lebih jelas.

Pada masa sama kita juga berharap masyarakat tidak tamak dengan sogokan pelbagai barangan mewah mahupun wang ringgit yang kononnya akan dikirimkan kepada kita sehingga kita perlu membayar caj penghantaran mahupun pengangkutan. Bak kata pepatah ingatlah orang yang tamak selalu rugi.

**Penulis Timbalan Pendaftar
Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia**